

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI  
MOHD FAKEH  
[SABAK BERNAM - BN ]**

**SOALAN NO.291**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah Kementerian bagi meningkatkan patriotisme dan cintakan negara di kalangan belia serta langkah kerajaan bagi meningkatkan keterlibatan belia dalam pembangunan negara khususnya bagi mencapai wawasan negara maju berpendapatan tinggi.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha yang diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan bagi meningkatkan patriotisme dan semangat cintakan negara adalah berpandukan kepada sembilan (9) Bidang Keutamaan Belia dalam Dasar Belia Malaysia. Ia merupakan fokus utama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dalam pembangunan belia pada masa kini dan hadapan. Sembilan (9) bidang tersebut ialah :-

- 1) Pendidikan dan Latihan kemahiran;
- 2) Kenegaraan dan Jati Diri;
- 3) Gaya Hidup Sihat dan Sejahtera;
- 4) Kepemimpinan;
- 5) Kesukarelawanan dan Masyarakat Sivil;
- 6) Keusahawanan;
- 7) Penyelidikan dan Inovasi;
- 8) Profesionalisme Kerja Belia; dan
- 9) Pengiktirafan.

2. Kriteria ini selaras dengan unsur-unsur pembangunan negara yang dirangkumi oleh bidang Keutamaan Belia. Ini digariskan bagi menyerlahkan bakat dan potensi modal insan belia agar berkeupayaan menyumbang di semua peringkat kehidupan serta ke peringkat antarabangsa.

**SULIT**

3. Dalam menyediakan golongan belia sebagai 'Rakan Kongsi Pembangunan Negara', pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mengambil inisiatif dan usaha berterusan menerusi pelaksanaan program-program ke arah *Positive Youth Development* (PYD). Program-program ini merupakan pendekatan yang mengiktiraf potensi belia, dibangunkan melalui cara yang positif serta bersesuaian dengan potensi di mana belia berada.
  
4. Antara program-program PYD yang dilaksanakan oleh KBS adalah seperti program Parlimen Belia Malaysia (PBM), Program Felo Perdana serta Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) yang memenuhi kehendak belia serta mengiktiraf potensi belia dengan cara yang positif. Program Parlimen Belia Malaysia contohnya, pandangan dan suara hati diberi keutamaan dan perhatian di mana usul yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Belia Malaysia (APBM) diangkat dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk tindakan seterusnya. Ini menunjukkan bahawa pihak Kerajaan sentiasa menyediakan ruang kepada golongan belia sebagai 'Rakan Kongsi Pembangunan Negara'.

Sekian, terima kasih.